

63

SOALAN NO : 45

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar
[Pokok Sena]

TARIKH : 28Mac 2018 (Khamis)

SOALAN : Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

- a) berapakah jumlah matrik tan import beras yang bermutu rendah ke dalam negara berbanding dengan jumlah keseluruhan beras import; dan
- b) apakah langkah Kementerian untuk memastikan beras tempatan akan menjadi pilihan pengilang dan pengguna bagi memastikan industri padi dan beras tempatan negara terus kompetif.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa memastikan tiada beras bermutu rendah yang diimport masuk oleh BERNAS ke dalam negara. Beras yang diimport telah melalui beberapa proses pengilangan dan pemeriksaan oleh surveyor yang dilantik bagi memastikan kualiti beras tersebut menepati spesifikasi yang ditetapkan sebelum diedarkan kepada pemborong tempatan.

Bagi memastikan pasaran beras tempatan terpelihara, Kerajaan mengawal kemasukan beras import hanya bagi menampung ketidakcukupan bekalan beras yang dihasilkan dalam negara dengan anggaran kira-kira 30% sahaja. Selain itu, Kerajaan turut menetapkan harga jualan beras import di pintu gudang BERNAS mestilah lebih tinggi berbanding harga jualan beras tempatan bagi memastikan industri padi dan beras tempatan terus terpelihara.

SULIT

132

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN
[SIK - BN]**

TARIKH : 28 MAC 2018 (RABU)

SOALAN NO.46

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan melalui Indeks Belia Malaysia yang dilancarkan, apakah rangsangan dan cadangan dari pihak Kementerian bagi belia-belia di kawasan luar bandar untuk memajukan komuniti mereka di setiap kawasan.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah melaksanakan Kajian Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15).
2. Indeks Belia Malaysia (IBM) merupakan satu ukuran **komposit mengenai kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia** secara menyeluruh. IBM yang dibangunkan pada tahun 2015 mengandungi **12 domain dan 58 indikator sosial** bagi melihat **perubahan dalam gaya hidup belia pada masa kini dan masa akan datang**. IBM juga merupakan “*benchmarking*” dalam mengukur kesejahteraan hidup belia Malaysia serta menjadi **rujukan pembuat dasar pembangunan program-program belia** pada masa akan datang.
3. Melalui pendekatan **Government-Wide Approach** dalam merencana program dan aktiviti pembangunan belia, IYRES telah melaksanakan bengkel *Technical Working Group* (TWG) #MYIndexbelia yang melibatkan pihak **Kementerian, Kerajaan Negeri, NGO dan lain-lain badan bukan Kerajaan** secara berkala setiap tahun. Melalui bengkel ini, satu penetapan pencapaian nilai skor dari tahun 2016-2020 telah diwujudkan.

SULIT

4. Bagi mengetahui status semasa setiap tahun, Kajian *Outcome* Indeks Belia Malaysia dilaksanakan pada tahun 2016 dan 2017. Dapatan kajian pada tahun 2017 mendapat terdapat **penurunan skor tahap kesejahteraan belia di kawasan luar bandar daripada 71.22 (2016) kepada 70.26 (2017)**. Walau bagaimanapun kedua-dua skor ini masih berada pada **tahap sederhana**.
5. Hasil dapatan kajian menunjukkan daripada 12 domain yang digunakan untuk mengukur tahap kesejahteraan hidup belia, dua domain mengalami penurunan skor iaitu **Domain Hubungan Sosial** daripada **78.06 (2016)** kepada **74.94 (2017)** dan **Domain Ketembusan Media** daripada **68.12 (2016)** kepada **63.31 (2017)**. Penurunan skor bagi Domain Ketembusan Media ini adalah disebabkan oleh penggunaan media yang tinggi iaitu melebihi 7 jam/sehari khususnya bagi penggunaan internet dan telefon.
6. KBS juga telah mengadakan Bengkel TWG #MYIndexbelia 3.0 pada 22 hingga 23 Mac 2018 melibatkan penyertaan **150 orang wakil** daripada Kementerian, Kerajaan Negeri, NGO dan lain-lain badan bukan Kerajaan. Bengkel TWG ini dilaksanakan bagi mengumpul input bagi merangka Pelan Tindakan Pembangunan Belia Malaysia 2020-2035 yang komprehensif.
7. Berdasarkan dapatan IBM, KBS telah menjalankan pelbagai jenis program-program yang melibatkan belia-belia di luar bandar seperti Program BootCamp, Liga Sukan Untuk Semua (LiSUS), Program Pembangunan Komuniti oleh Ahli Parlimen Belia Malaysia, Program Belia Millennium serta Program Angkat dan Upaya (PADU).

SULIT

8. Kesemua program-program ini, jika dilaksanakan secara konsisten akan dapat meningkatkan lagi pencapaian belia selari dengan domain dan indikator yang diukur di bawah IBM.

Sekian, terima kasih.